

KEMUDAHAN PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN SEMASA PANDEMIK COVID-19: KAJIAN TERHADAP PELAJAR JABATAN PENGAJIAN BAHASA DAN LINGUISTIK ARAB DI KUIS

Online Learning Facilities during the Covid-19 Pandemic: A Study on Students of the Department of Language Studies and Arabic Linguistics in KUIS

NASIMAH HAJI ABDULLAH
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
nasimah@kuis.edu.my

MOHD@MOHAMED BIN MOHAMED ZIN
Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UNIKL-MFI)
mohd@unikl.edu.my

Abstrak

Pada akhir tahun 2019 dunia dilanda pandemik covid-19 yang mengheret masyarakat menghadapi situasi kerentanan, ketidakpastian, kerumitan dan kekaburan. Bidang pendidikan adalah antara sektor yang paling terkesan. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dahulunya berteraskan kepada pembelajaran secara bersemuka telah digantikan dengan kaedah atas talian sepenuhnya. Sebelum ini, pelajar menggunakan Internet sebagai medium komunikasi dan interaksi untuk mengetahui berita semasa, menambah pengetahuan baharu atau sekadar berhubung di media rangkaian sosial. Namun, pandemik covid-19 telah mendesak pelajar menggunakan Internet sebagai medium dalam pembelajaran. Penggunaan kaedah komunikasi baharu ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu diterima sebagai paradigma baharu dalam dunia Pendidikan. Tetapi kemudahan pembelajaran secara atas talian menjadi cabaran utama kepada pelajar yang berpendapatan rendah dan sederhana. Justeru itu, satu kajian kuantitatif dan deskriptif telah dilakukan bertujuan mengenalpasti kemudahan pembelajaran secara atas talian. Skop kemudahan pembelajaran secara atas talian ialah peralatan pembelajaran, sumber talian dan capaian Internet. Kajian ini dilakukan terhadap pelajar Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab (JPBLA) di KUIS. Sampel kajian ini melibatkan 153 orang responden daripada 3 program pengajian berbeza dan menggunakan instrumen soal selidik melalui *googleform* yang merangkumi 10 item berdasarkan skala *likert* 5 mata. Tatacara penganalisan data adalah dengan menggunakan *IBM SPSS* versi 25.0. Analisis deskriptif digunakan bagi mengumpul data berbentuk min, sisihan piawai dan interpretasi. Hasil analisis deskriptif mendapati bahawa secara keseluruhan kemudahan pembelajaran secara atas talian pelajar berada pada tahap sederhana dengan nilai min keseluruhan = 3.1 dengan sisihan piawai = 0.511. Kesimpulannya, semua pihak sama ada university, ibu bapa, guru, komuniti setempat atau kerajaan perlu memberi sokongan dan penambahbaikan dari sudut penyediaan kemudahan pembelajaran secara atas talian kepada pelajar dari segi peralatan pembelajaran, sumber talian dan capaian Internet demi kesinambungan pemerolehan ilmu pengetahuan yang berterusan.

Kata kunci: Kemudahan Pembelajaran, Pembelajaran Atas Talian, Pengajian Bahasa Arab

Abstract

At the end of 2019, the Covid-19 pandemic hit the world that dragged society to face situations of vulnerability, uncertainty, complexity and ambiguity. The education field is among the most affected sectors. The teaching and learning method that was previously based on face-to-face learning has been completely replaced by the online method. Before this, students used the Internet as a medium of communication and interaction to find out current news, gain new knowledge or simply connect on social networking media. However, the Covid-19 pandemic has urged students to use the Internet as a medium in learning. The use of this new method of communication in the teaching and learning process needs to be accepted as a new paradigm in the world of education. But the facility of online learning is a major challenge for low and middle-income students. Therefore, a quantitative and descriptive study was conducted to identify online learning facilities. The scope of online learning facilities is Internet access, online resources and learning tools. This study was conducted on students of the Department of Language Studies and Arabic Linguistics (JPBLA) at KUIS. The sample of this study involved 153 respondents from 3 different study programmes and used a questionnaire instrument through google form which included 10 items based on a 5-point Likert scale. The data analysis procedure uses IBM SPSS version 25.0. Descriptive analysis was used to collect data in the form of mean, standard deviation and interpretation. The results of this descriptive analysis found that the overall online learning facilities of students were at a moderate level with an overall mean value = 3.1 with a standard deviation = 0.511. In conclusion, all parties whether universities, parents, teachers, community or government need to provide support and improvement in terms of providing online learning facilities to students such as learning equipment, online resources and Internet access for the continuity of acquisition of knowledge.

Keywords: Learning Facilities, Online Learning, Arabic Language Learning

1.0 PENDAHULUAN

Pengaruh Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) kepada sektor pendidikan sangatlah besar. Dengan terciptanya pelbagai teknologi baharu sekitar tahun 2016 seperti menggunakan automasi, analisis dan *big data*, simulasi, integrasi sistem, penggunaan *robotic*, *cloud* dan *Internet of Things* (IoT) telah mencetuskan satu fenomena baharu kepada dunia, malah kerajaan Malaysia sendiri telah memperuntukan bajet khas untuk memberikan tumpuan kepada IR 4.0 dalam usaha menjayakan Dasar Digital Malaysia (Kamaruddin & Che Aleha, 2018). Ini bermakna era pendidikan negara Malaysia sekarang dipengaruhi oleh IR 4.0 hinggalan lanskap inovasi dalam pendidikan juga berubah dan berkembang dengan begitu pantas (Aida Aryani & Norhayati, 2018). Ironinya, perubahan yang berlaku dalam sektor industri dan teknologi secara tidak langsung memberi impak kepada keperluan perubahan dalam sektor pendidikan negara.

Penggunaan teknologi seperti telefon pintar dan TV pintar telah mendominasi kehidupan masyarakat. Masyarakat di abad ke-21 ini umumnya dimonopoli oleh penggunaan multimedia dan teknologi maklumat dengan moto dunia tanpa sempadan (Maimun Aqsha, Wan Nurul Syuhada' & Mohd Isa, 2017). Dengan sebab itu, sektor pendidikan negara sama ada di peringkat rendah, menengah atau tinggi secara tidak langsung sangat terkesan dengan kewujudan IR 4.0 ini. Pakar ekonomi berpandangan bahawa IR 4.0 ini boleh memberi impak yang baik kepada bidang pendidikan dan pekerjaan di Malaysia (Akmal Ariff, Siti Hajar & Nur Anis, 2020).

Namun begitu, guru selaku pihak yang terlibat secara langsung dengan sektor pendidikan perlu memanfaatkan teknologi canggih terkini dan berinovasi kerana proses pembelajaran dan pengajaran ditandai dengan penggunaan teknologi digital (Agus, Sara, Arief Nugroho & Sigit, 2020). Begitu juga dengan pelajar yang menjadi aset dan cagaran kepada dunia pekerjaan perlu mengubah paradigma berfikir mereka ke arah memanfaatkan seluas-luasnya akses daripada Internet, multimedia dan teknologi maklumat agar dapat membantu mereka lebih bersedia dengan gelombang IR 4.0 (Kamaruddin & Che Aleha, 2018). Oleh itu, Internet adalah satu keperluan, bukan lagi pilihan. Penggunaan Internet bukanlah baru bermula tetapi telah lama menjengah dunia. Keadaan ini terbukti pada tahun 2001 lagi sejumlah 500 juta manusia telah berhubung di atas talian dan 200 billion emel dihantar setiap hari (“Mendepani cabaran dunia empat dimensi”, 2017). Persoalannya bagaimana dengan kemudahan Internet guru dan pelajar dari segi capaian Internet, sumber talian serta peralatan pembelajaran dan pengajaran.

Dengan kemunculan pandemik Covid-19 di akhir tahun 2019 bidang teknologi, multimedia dan komunikasi bergerak dengan lebih rancak dan pantas lagi kerana masyarakat terpaksa memanfaatkan semaksima mungkin penggunaan teknologi dan multimedia dalam proses pembelajaran dan pengajaran di semua peringkat pendidikan rendah, menengah dan tinggi. Malah, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah berusaha menyebarkan kesedaran di kalangan guru dan pelajar agar persiapan dapat dibuat untuk menghadapi perubahan dinamik yang sangat laju terutamanya dalam bidang teknologi dan komunikasi yang sudah pasti boleh memberikan impak yang sangat besar kepada kaedah pembelajaran dan pengajaran di masa hadapan.

Apabila berlakunya pandemik Covid-19, Malaysia juga terpaksa akur dengan perubahan kepada kaedah pendidikan negara daripada kaedah secara konvensional iaitu bersemuka antara pelajar dengan guru, kepada kaedah pembelajaran secara maya atas talian (Mohd Faeiz, Siti Norazlina, Salman dan Nurulhuda, 2020) yang bukan hanya perlu menggunakan sepenuhnya kemahiran teknologi dan multimedia, malah pelajar perlu juga mempunyai kemudahan pembelajaran yang kondusif dan munasabah. Ironinya, kaedah pendidikan negara berubah dengan begitu drastik sekali sekitar awal tahun 2021 kerana sesi pengajian sama ada peringkat rendah, menengah atau tinggi perlu menggunakan platform atas talian sepenuhnya.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pada 18 Mac 2020, Malaysia buat pertama kalinya mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung wabak koronavirus yang melanda (“Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia 2020-21”, 2021). Selepas itu semua institusi pengajian tinggi (IPT) terpaksa mengharungi norma hidup baharu dan mendepani cabaran pengajian dengan mod atau kaedah yang berbeza sama sekali daripada sebelumnya iaitu pembelajaran dan pengajaran secara atas talian sepenuhnya. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) selaku sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang bermotokan peneraju tradisi ilmu perlu meneruskan kelangsungan survivalnya demi ummah dalam usaha melahirkan da’i, ulama dan umara’ sebagai modal insan negara.

KUIS sentiasa berusaha mematuhi semua garis panduan dan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam isu menangani kaedah pembelajaran dan pengajaran semasa pandemik covid-19 melanda. KUIS akur dengan ketetapan baru KPT iaitu mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dahulunya berteraskan kepada pembelajaran secara bersemuka kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran secara atas talian sepenuhnya bermula sesi I 2020 iaitu sekitar Jun 2020.

Sehingga kini, telah berlangsung tiga (3) sesi pengajian secara atas talian sepenuhnya iaitu sesi I 2020/2021 (Jun 2020), sesi II 2020/2021 (November 2020) dan sesi I 2021/2022 (Julai 2021). KUIS tidak menetapkan platform atau medium tertentu kepada pensyarah dalam menjalankan proses P&P secara atas talian. Oleh itu, pensyarah menggunakan pelbagai platform seperti *Googlemeet*, *Google Classroom*, *Microsoft Teams*, *Webex*, *Zoom Education*, *Skype*, *Kahoot*, *Seesaw*, *Edmodo*, *Scratch*, *Prezi*, *Quizlet* dan lain-lain. Namun, KUIS juga mempunyai platform rasmi untuk pengendalian proses P&P secara atas talian iaitu *Learning Management System* atau singkatannya *KLMS*.

Sebenarnya pelbagai istilah digunapakai bagi merujuk pembelajaran atas talian. Antara istilah tersebut ialah e-pembelajaran, pembelajaran Internet, pembelajaran tersebar, pembelajaran rangkaian, tele-pembelajaran, pembelajaran maya, pembelajaran berbantuan komputer, pembelajaran berasaskan sesawang dan pembelajaran jarak jauh (Abdul Aziz & Aida Zuraina, 2020). Semua istilah tersebut memberi gambaran bahawa pembelajaran tersebut akan berlaku di mana sahaja dan di dalam keadaan yang pelbagai.

Pembelajaran secara atas talian sudah pasti mencetuskan implikasi yang sangat besar terhadap pengalaman individu yang melaluinya sama ada yang berada di bandar mahu pun di kawasan pedalaman. Terdapat sebahagian pelajar yang perlu membantu ekonomi keluarga yang terkesan dengan pandemik covid-19 yang menjadikan keadaan sekeliling tidak kondusif untuk belajar. Keadaan ini bertambah buruk lagi jika pelajar tersebut tidak mempunyai capaian Internet yang baik bagi mengikuti sesi pembelajaran dan mengakses bahan pembelajaran. Berkemungkinan juga pelajar tidak memiliki telefon pintar, komputer dan aksesori peranti yang berteknologi untuk menyokong pembelajarannya. Kesemua situasi tersebut secara tidak langsung akan mempengaruhi motivasi pelajar untuk meneruskan proses pembelajaran dan pengajaran secara atas talian dengan baik.

Dalam situasi sebegini juga, tenaga pengajar perlu lebih memahami sedalam-dalamnya latar sosio ekonomi dan keupayaan pembelajaran setiap pelajar kerana pembelajaran secara atas talian hakikatnya bukanlah mudah (Pembelajaran, pengajaran ketika pandemik bukan mudah, 2020). Oleh itu kajian ini memberikan tumpuan kepada mengenalpasti kemudahan pembelajaran secara atas talian yang merangkumi capaian Internet, sumber talian dan peralatan pembelajaran.

1.2 Kajian Literatur

Terdapat beberapa kajian terdahulu yang membincangkan tentang isu pembelajaran di atas talian semasa pandemik covid-19 melanda. Kajian Mohd Faeiz, Siti Norazlina, Salman dan Nurulhuda (2020) mencadangkan beberapa strategi untuk menghadapi pembelajaran dan pengajaran secara maya ini yang melibatkan pengurusan ruang yang kondusif, pengurusan masa yang berkesan, teknik yang kreatif, perbincangan secara maya dengan rakan, penjagaan kesihatan mental dan pemakanan sihat, seimbang dan teratur.

Kajian Muhammad Izzat, Zuriani Hanim dan Nur Hafizaliyana (2020) pula menyentuh tentang persepsi pelajar Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak di Kolej Universiti Islam Melaka terhadap pelaksanaan pembelajaran atas talian semasa pandemik covid-19. Nilai min bagi lima (5) aspek yang dikaji berada pada tahap sederhana iaitu kandungan pembelajaran (3.13), interaksi atas talian (3.05), maklum balas pensyarah (3.51), strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah (3.36) dan kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian (3.40). Begitu juga dengan kajian daripada Nur Akalili dan Nurfaradilla (2021) yang mendapati persepsi 562 orang pelajar sekolah menengah di Malaysia terhadap pembelajaran

dalam talian semasa pandemik covid-19 juga berada pada tahap sederhana. Namun aspek persepsi yang dikaji adalah berbeza iaitu i) kelebihan dan kekurangan pembelajaran dalam talian, ii) perbandingan antara pembelajaran bersemuka dengan pembelajaran dalam talian dan iii) penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian.

Manakala kajian Abdul Aziz dan Aida Zuraina (2020) pula meninjau kesediaan dan motivasi sejumlah 312 orang pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantai Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Kajian tersebut mendapati kesediaan dan motivasi pelajar yang mengikuti pembelajaran di atas talian semasa pandemik covid-19 berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.14 dan 2.91. Kajian Munirah, Mohd Faisal, Noor Syaheeda dan Julia (2021) pula melihat kesediaan dan persepsi sejumlah 381 orang pelajar Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, Johor. Kajian ini mendapati kesediaan dari segi talian Internet di rumah adalah 74.3%, dan 25.7% pelajar tiada talian Internet di rumah. Manakala, 81.6% pelajar mempunyai komputer sendiri untuk mengikuti kelas secara atas talian, dan 18.3% pelajar tidak mempunyai komputer sendiri.

Kajian Nor Musfirah Mohamad (2021) pula menganalisis cabaran yang dihadapi pelajar dan pensyarah di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) ketika pandemik covid-19. Kajian beliau mendapati pelajar menghadapi cabaran dari segi capaian Internet yang lemah, bebanan peningkatan keperluan kewangan untuk pembelian data Internet, suasana pembelajaran yang tidak kondusif, ruang belajar yang tidak selesa yang mengganggu fokus pembelajaran dan kerosakan peranti elektronik. Namun kajian ini tidak melihat cabaran dari segi peralatan pembelajaran yang perlu disediakan oleh pelajar yang juga memerlukan peruntukan kewangan.

Kajian-kajian lepas berkaitan isu pembelajaran di atas talian semasa pandemik covid-19 berkisar tentang strategi untuk menghadapi pembelajaran dan pengajaran secara maya, persepsi, kesediaan dan motivasi, kesediaan dan persepsi serta cabaran yang dihadapi. Walau bagaimanapun, penulis berpandangan masih perlu ada kajian-kajian lain sebagai usaha mengetengahkan isu pembelajaran dan pengajaran di atas talian semasa pandemik covid-19 sebagai sumber rujukan di masa hadapan dalam usaha ke arah penambaan, penyesuaian dan perubahan dari segi operasi, kesediaan, kreativiti, persembahan, motivasi, perancangan dan lain-lain. Kajian-kajian tersebut boleh berperanan mentransformasikan proses P&P menjadi lebih baik pasca pandemik nanti.

1.3 Objektif dan Skop Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan mengenalpasti kemudahan pembelajaran secara atas talian terhadap pelajar Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab (JPBLA) di KUIS. Skop kemudahan pembelajaran secara atas talian ialah peralatan pembelajaran, sumber talian dan capaian Internet. Kesemua skop kemudahan pembelajaran secara atas talian tersebut mendesak pelajar memperuntukan sejumlah keperluan kewangan agar proses pembelajaran dan pengajaran secara atas talian boleh berlangsung dengan baik.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pada akhir tahun 2019 dunia dilanda pandemik covid-19 yang mengheret masyarakat menghadapi situasi kerentanan, ketidakpastian, kerumitan dan kekaburan. Bidang pendidikan ialah antara yang paling terkesan. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dahulunya berteraskan kepada pembelajaran secara bersemuka telah digantikan dengan kaedah atas talian sepenuhnya. Sebelum ini pelajar menggunakan Internet sebagai medium komunikasi

dan interaksi untuk mengetahui berita semasa, menambah pengetahuan baharu atau sekadar berhubung di media rangkaian social (Norwahida, Sakinah & Ruzanna, 2021). Namun, pandemik covid-19 telah mendesak pelajar menggunakan Internet sebagai medium dalam pembelajaran. Penggunaan kaedah komunikasi baharu ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dikenali sebagai pendidikan berasaskan internet perlu diterima sebagai paradigma baharu dalam dunia pendidikan. Tetapi kemudahan pembelajaran secara atas talian sama ada dari segi capaian Internet, atau sumber talian atau peralatan pembelajaran menjadi cabaran utama kepada pelajar terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Pembelajaran dan pengajaran secara atas talian ketika pandemik covid-19 bukanlah perkara yang mudah (Pembelajaran, pengajaran ketika pandemik bukan mudah, 2020) kerana pelajar dan pengajar akan menghadapi pelbagai cabaran dari segi capaian Internet yang lemah ekoran servis Internet bergantung sepenuhnya kepada kawasan liputan selain sumber talian Internet berbayar dengan harga pakej tertentu (Mohd Faeiz, Siti Norazlina, Salman dan Nurulhuda, 2020). Pelajar juga menghadapi cabaran peralatan pembelajaran yang mempunyai keupayaan terbatas serta tidak mempunyai aksesori peranti yang berteknologi untuk menyokong pembelajarannya. Semua cabaran-cabaran tersebut akan menyebabkan pengalaman pembelajaran terbantut, minat dan motivasi pelajar berkurangan selain proses pembelajaran yang tidak akan mencapai tahap optimum.

Penyediaan capaian Internet, peralatan pembelajaran dan sumber talian Internet mendesak pelajar memperuntukan sejumlah keperluan kewangan agar proses pembelajaran dan pengajaran secara atas talian boleh berlangsung dengan baik. Bagi pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan tinggi mungkin tiada masalah untuk menyediakan semua keperluan tersebut. Namun bagi pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan sederhana dan rendah, penyediaan semua keperluan tersebut dengan kapasiti yang sempurna merupakan cabaran yang cukup besar. Ketidakupayaan atau ketidaksempurnaan dari segi kemudahan pembelajaran atas talian sudah pasti secara tidak langsung akan mengganggu proses pembelajaran dan pengajaran secara atas talian berjalan dengan sebaiknya.

Walaupun pembelajaran dan pengajaran secara atas talian tidak dapat dinafikan boleh merangsang kemahiran teknologi maklumat dan multimedia sama ada di pihak guru atau pun pelajar, namun pembelajaran dan pengajaran ketika pandemik bukanlah mudah (Pembelajaran, pengajaran ketika pandemik bukan mudah, 2020). Hal ini sedemikian kerana pelajar akan menghadapi cabaran dari segi capaian Internet, peralatan pembelajaran dan sumber talian Internet. Justeru itu, satu kajian kuantitatif dan deskriptif telah dijalankan untuk meninjau situasi yang dihadapi oleh pelajar tersebut.

3.0 METODOLOGI

Metodologi merujuk kaedah penyelidikan sesuatu maklumat itu diperoleh dan mestilah berdasarkan perancangan yang dibuat oleh penyelidik yang ingin menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti (Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan, 2018). Perancangan yang teliti dapat membantu memudahkan data dan maklumat penyelidikan dapat dikumpulkan, dianalisis dan seterusnya dinilai. Selain itu, metodologi juga menjadi garis panduan kepada pengkaji untuk mencapai matlamat sesuatu kajian yang telah dirancang untuk memastikan bahawa segala keputusan dan penganalisan data kajian diperoleh dengan mudah dan berkualiti.

Justeru itu, satu kajian kuantitatif dan deskriptif dilakukan bertujuan mengenalpasti kemudahan pembelajaran secara atas talian yang merangkumi capaian Internet, sumber talian dan peralatan pembelajaran. Kajian ini dilakukan terhadap pelajar Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab (JPBLA) di KUIS. Bagi menentukan responden yang dipilih mestilah mewakili populasi kajian, penulis menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Sampel kajian ini melibatkan 153 orang responden daripada tiga (3) program pengajian berbeza yang melibatkan pelajar yang mendaftar lima (5) kursus berbeza. Kelima-lima kursus ini menggunakan medium bahasa Arab sepenuhnya dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Kesemua responden mengikuti pembelajaran dan pengajaran secara atas talian sepenuhnya pada sesi I sesi 2021/2022, sesi II 2020/2021 dan sesi I 2020/2021.

Kajian ini berbentuk kuantitatif dan berdasarkan kaedah tinjauan yang mensasarkan hanya pelajar Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab (JPBLA) di KUIS. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang dibina melalui *googleform* dalam mendapatkan maklum balas tentang kemudahan pembelajaran secara atas talian yang merangkumi peralatan pembelajaran, sumber talian dan capaian Internet. Soalselidik tersebut diagihkan melalui kumpulan *WhatsApp* kursus antara pelajar dengan pensyarah kursus. Instrumen soal selidik mengandungi dua (2) bahagian sahaja iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A berkaitan dengan demografi responden dan memuatkan enam (6) soalan iaitu i) semester pengajian, ii) kursus yang diikuti, iii) jantina, iv) umur, v) tempat tinggal semasa sesi pembelajaran atas talian berlangsung dan vi) pembiayaan pengajian. Manakala bahagian B mengandungi sepuluh (10) soalan berkenaan kemudahan pembelajaran secara atas talian yang merangkumi capaian Internet, sumber talian dan peralatan pembelajaran. *Format* maklum balas adalah merujuk kepada lima (5) mata skala likert iaitu sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Tatacara penganalisan data adalah dengan menggunakan *IBM SPSS* versi 25.0. Analisis deskriptif digunakan bagi mengumpul data berbentuk min, sisihan piawai dan interpretasi. Bagi tujuan deskriptif, kajian menggunakan skala sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi. Semua tahap tersebut diinterpretasikan berdasarkan nilai min yang dikumpulkan. Jika nilai min berada antara 1.00-1.80, maka tahap ini menunjukkan sangat rendah, 1.81-2.60 berada pada tahap rendah, 2.61-3.40 berada pada tahap sederhana, 3.41-4.20 berada pada tahap tinggi dan 4.21-5.00 adalah tahap sangat tinggi (Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R., 2004).

4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan ini dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu profil responden, kemudahan pembelajaran secara atas talian yang merangkumi peralatan pembelajaran, sumber talian dan capaian Internet.

4.1 Profil Responden

Data demografi responden ditunjukkan dalam Jadual 1. Taburan sampel kajian terdiri daripada 153 orang pelajar di Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, KUIS. Sampel terdiri daripada 57 orang lelaki (iaitu 37.3%) dan 96 orang perempuan (iaitu 62.7%). Dari segi umur pelajar, 71 orang berumur antara 18 hingga 21 tahun (iaitu 46.4%), 78 orang berumur antara 22 hingga 25 tahun (iaitu 51%) dan 4 orang berumur 26 tahun ke atas (iaitu 2.6%) sahaja.

Dari segi kursus yang diikuti, 36 orang (iaitu 23.5%) adalah dari kursus Analisis Wacana (IBAT3203), 4 orang (iaitu 2.6%) sahaja adalah dari kursus Terjemahan Teks Keagamaan (IBAT2133), 16 orang (iaitu 10.5%) adalah dari kursus Manahij al-Bahth li al-Tarjamah (IBAT3212), 61 orang (iaitu 39.9%) adalah dari kursus Manahij al-Bahth (IBAS2312) dan 36 orang (iaitu 23.5%) adalah dari kursus al-Tarjamah (IDAL3073).

Manakala, dari segi program pengajian 56 orang (iaitu 36.6%) adalah daripada Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Terjemahan), 61 orang (iaitu 39.9%) adalah daripada Sarjana Muda Pengajian Bahasa al-Quran dan 36 orang (iaitu 23.5%) adalah daripada Diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab). Daripada 153 orang responden, 44 orang (iaitu 28.8%) adalah berada di semester 6 pengajian iaitu semester akhir, 77 orang (iaitu 50.3%) adalah di semester 5 pengajian, 10 orang (iaitu 6.5%) adalah di semester 4 pengajian dan 22 orang (iaitu 14.4%) adalah di semester 3 pengajian. Kesemua profil ini menunjukkan bahawa responden yang dipilih adalah mewakili populasi kajian.

Dari segi tempat tinggal semasa sesi pembelajaran secara atas talian berlangsung, 148 orang daripada responden iaitu menyamai 96.7% tinggal di rumah keluarga, 3 orang iaitu menyamai 2% tinggal di rumah sewa dan baki lagi 2 orang yang juga menyamai 1.3% tinggal di asrama dalam kampus KUIS. Ini menunjukkan majoriti pelajar memang mengikuti pembelajaran di rumah keluarga masing-masing.

Manakala, dari segi pembiayaan pengajian, pemilihan sampel ini sangat signifikan kerana berdasarkan maklumbalas daripada *googleform* seramai 52 orang daripada responden (iaitu 34%) mengikuti pengajian dengan pembiayaan PTPTN sepenuhnya, 16 orang daripada responden (iaitu 10.5%) mengikuti pembelajaran dengan pembiayaan diri mereka sendiri sepenuhnya, 8 orang daripada responden (iaitu 5.2%) mengikuti pengajian dengan pembiayaan zakat, 1 orang daripada responden (iaitu 0.7%) mengikuti pengajian dengan pembiayaan zakat dan keluarga serta 35 orang daripada responden (iaitu 22.9%) mengikuti pengajian dengan pembiayaan PTPTN dan keluarga.

Jadual 1: Demografi Responden

Demografi Responden	Jumlah responden (N: 153)	
	N	%
Jantina		
Lelaki	57	37.3
Perempuan	96	62.7
Umur		
18 ke 21	71	46.4
22 ke 25	78	51.0
26 ke atas	4	2.6
Kursus Diikuti		
IBAT3203 Analisis Wacana	36	23.5
IBAT2133 Terjemahan Teks Keagamaan	4	2.6
IBAT3212 Manahij al-Bahth li al-Tarjamah	16	10.5
IBAS2312 Manahij al-Bahth	61	39.9
IDAL3073 al-Tarjamah	36	23.5
Program Pengajian		
SMBAT	56	36.6
BASL	61	39.9

Diploma	36	23.5
Semester Pengajian		
Semester 1	0	0
Semester 2	0	0
Semester 3	22	14.4
Semester 4	10	6.5
Semester 5	77	50.3
Semester 6	44	28.8
Tempat tinggal semasa sesi pembelajaran secara atas talian berlangsung		
Asrama	2	1.3
Rumah Sewa	3	2.0
Rumah Keluarga	148	96.7
Pembiayaan Pengajian		
Sendiri	16	10.5
Keluarga	29	19.0
Zakat	8	5.2
PTPTN	52	34.0
Zakat & Keluarga	1	.7
PTPTN & Keluarga	35	22.9
Lain-lain	12	7.8

Ini menunjukkan 73.3% responden adalah daripada kalangan berpendapatan rendah dan sederhana yang sudah pasti memberikan mereka cabaran yang cukup besar untuk menyediakan kemudahan pembelajaran secara atas talian dengan baik, lebih-lebih lagi di musim pandemik covid-19 yang diuji dengan kerentanan, ketidakpastian, kerumitan dan kekaburan dari segi ekonominya ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung wabak koronavirus yang melanda di seluruh negara (Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia 2020-21, 2021). Hanya 26.8% (iaitu 41 orang) yang memberi maklumbalas bahawa pembiayaan pengajian adalah daripada keluarga sepenuhnya dan lain-lain yang berkemungkinan pelajar tersebut daripada keluarga berpendapatan tinggi.

4.2 Kemudahan Pembelajaran Secara Atas Talian

Bahagian ini akan membincangkan kemudahan pembelajaran secara atas talian bagi pelajar JPBLA, KUIS. Kemudahan pembelajaran secara atas talian dibahagikan kepada beberapa segi iaitu i) peralatan pembelajaran atas talian yang melibatkan item 1, 2 dan 3, ii) sumber talian yang melibatkan item 4, 5, 6, 7 dan 8 serta iii) capaian Internet yang melibatkan item 9 dan 10. Laporan dapatan dipaparkan dalam bentuk min, sisihan piawai dan interpretasi seperti di Jadual 2. Hasil analisis deskriptif mendapati bahawa secara keseluruhan kemudahan pembelajaran secara atas talian pelajar berada pada tahap sederhana dengan nilai min keseluruhan = 3.1 dengan sisihan piawai = 0.511. Kajian ini akan membincangkan secara terperinci setiap item atau pernyataan 1 hingga 10. Taburan maklumbalas responden ditunjukkan dalam Jadual 2.

Penyataan 1, 2 dan 3 dalam Jadual 2 melibatkan peralatan pembelajaran atas talian. Pernyataan 1 iaitu “menggunakan komputer riba sewaktu mengikuti pembelajaran” memperoleh nilai min 4.19 iaitu tahap tinggi dengan sisihan piawai 0.949 dan pernyataan 2 iaitu “menggunakan telefon bimbit sewaktu mengikuti pembelajaran” memperoleh nilai min 4.01 iaitu tahap tinggi dengan sisihan piawai 0.921.

Manakala pernyataan 3 iaitu “menggunakan *tablet* sewaktu mengikuti pembelajaran” memperoleh nilai min 2.43 iaitu tahap rendah dengan sisihan piawai 1.13. Ini menunjukkan majoriti pelajar menggunakan komputer dan telefon bimbit sebagai peralatan pembelajaran. *Tablet* pula bukan menjadi satu peralatan yang digemari oleh pelajar dalam proses P&P secara atas talian walaupun saiznya lebih kecil berbanding dengan komputer riba. Hal ini sedemikian berkemungkinan disebabkan oleh keterbatasan penggunaan dan cakupan yang boleh dicapai oleh *tablet* berbanding dengan komputer riba.

Penyataan 4, 5, 6, 7 dan 8 melibatkan sumber talian sama ada WIFI atau data mudah alih. Kesemua pernyataan 4, 5 dan 8 berada pada tahap rendah. Penyataan 4 iaitu “menggunakan WIFI percuma yang disediakan oleh universiti” berada pada tahap rendah kerana memperoleh nilai min 1.84 dengan sisihan piawai 1.14. Penyataan 5 iaitu “menggunakan data mudah alih percuma yang disediakan universiti” juga berada pada tahap rendah kerana memperoleh nilai min 2.08 dengan sisihan piawai 1.25.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Kemudahan Pembelajaran Secara Atas Talian

Penyataan/Item	Skala					Mean	SP	Interpretasi
	STS	TS	TP	S	SS			
1. Anda menggunakan komputer riba sewaktu mengikuti kelas pembelajaran.	2.0 (3)	7.2 (11)	3.3 (5)	44.4 (68)	43.1 (66)	4.19	.946	Tinggi
2. Anda menggunakan telefon bimbit sewaktu mengikuti kelas pembelajaran.	2.0 (3)	8.5 (13)	3.9 (6)	56.9 (87)	28.8 (44)	4.01	.921	Tinggi
3. Anda menggunakan <i>Tablet</i> sewaktu mengikuti kelas pembelajaran.	20.9 (32)	41.2 (63)	17.0 (26)	15.7 (24)	5.2 (8)	2.43	1.13	Rendah
4. Anda menggunakan sumber talian Internet WIFI percuma yang disediakan oleh universiti sewaktu proses pembelajaran.	51.0 (78)	31.4 (48)	5.2 (8)	7.2 (11)	5.2 (8)	1.84	1.14	Rendah
5. Anda menggunakan sumber talian Internet Data Mudah Alih percuma yang disediakan oleh universiti sewaktu proses pembelajaran.	42.5 (65)	31.4 (48)	8.5 (13)	10.5 (16)	7.2 (11)	2.08	1.25	Rendah
6. Anda menggunakan sumber talian Internet Data Mudah Alih sendiri sewaktu proses pembelajaran.	4.6 (7)	11.1 (17)	7.2 (11)	34.6 (53)	42.5 (65)	3.99	1.16	Tinggi
7. Anda menggunakan sumber Internet daripada Talian Tetap di rumah (Unifi/Maxis) sewaktu proses pembelajaran.	11.1 (17)	9.2 (14)	5.2 (8)	38.6 (59)	35.9 (55)	3.79	1.32	Tinggi
8. Anda menggunakan sumber WIFI percuma di luar seperti kedai Mamak/ KFC/ Mc D dan lain-lain sewaktu proses pembelajaran.	34.6 (53)	38.6 (59)	8.5 (13)	14.4 (22)	3.9 (6)	2.14	1.16	Rendah
9. Anda tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan sempurna kerana sering kehabisan Data Mudah Alih atau sukar mendapatkan	10.5 (16)	28.8 (44)	20.9 (32)	23.5 (36)	16.3 (25)	3.06	1.26	Sederhana

	Tambah Nilai untuk proses pembelajaran.								
10	Anda tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan sempurna kerana capaian Internet yang lemah dan tidak stabil di tempat tinggal anda sewaktu proses pembelajaran.	6.5 (10)	15.7 (24)	24.2 (37)	30.1 (46)	23.5 (36)	3.48	1.19	Tinggi

Keseluruhan 3.10 .511 Sederhana

STS: Sangat Tidak Setuju, TS: Tidak Setuju, TP: Tidak Pasti, S: Setuju, SS: Sangat Setuju

Begitu juga pernyataan 8 iaitu “menggunakan sumber WIFI percuma di luar seperti kedai Mamak, KFC, McD atau lain-lain” berada pada tahap rendah kerana memperoleh nilai min 2.14 dengan sisihan piawai 1.16. Ini menunjukkan maklumbalas responden adalah konsisten. Maklumbalas ini juga kelihatan tidak menyalahi pernyataan 6 dan 7 yang berada pada tahap tinggi.

Penyataan 6 iaitu “menggunakan sumber talian data mudah alih sendiri” memperoleh nilai min 3.99 dengan sisihan piawai 1.16, manakala pernyataan 7 iaitu “menggunakan sumber daripada talian tetap di rumah seperti Unifi atau Maxis” memperoleh nilai min 3.79 dengan sisihan piawai 1.32. Ini menunjukkan majoriti pelajar tidak menggunakan sumber Internet talian percuma yang disediakan oleh universiti atau tempat awam, sebaliknya mereka menggunakan sumber talian sendiri yang sudah pasti memerlukan peruntukan kewangan untuk memperoleh sumber talian tersebut.

Penyataan 9 dan 10 melibatkan capaian Internet. Pernyataan 9 iaitu “tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan sempurna kerana sering kehabisan data mudah alih atau sukar mendapatkan tambah nilai untuk proses pembelajaran” mendapat nilai min 3.06 iaitu tahap sederhana dengan sisihan piawai 1.26. Keadaan ini berbeza dengan pernyataan 10 iaitu “tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan sempurna kerana capaian Internet yang lemah dan tidak stabil di tempat tinggal sewaktu proses pembelajaran” yang berada pada tahap tinggi kerana mendapat nilai min 3.48 dengan sisihan piawai 1.19. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mencuba untuk memastikan mereka tidak kehabisan data mudah alih atau sentiasa mendapatkan tambah nilai untuk mengikuti pembelajaran dengan sempurna walaupun majoriti mereka mengakui capaian Internet adalah lemah dan tidak stabil yang boleh mengganggu proses P&P mereka secara atas talian.

5.0 PENUTUP

Kesimpulannya, nilai min bagi kemudahan peralatan pembelajaran pelajar di Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, KUIS berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa persediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran atas talian adalah sangat baik. Malah, majoriti pelajar lebih gemar menggunakan komputer riba dan telefon bimbit sewaktu mengikuti kelas pembelajaran secara atas talian berbanding dengan *tablet*. Hal ini menunjukkan keberadaan komputer riba dan telefon bimbit sebagai medium pembelajaran secara atas talian adalah satu keperluan, bukan lagi pilihan. Oleh itu, penyediaan komputer riba dan telefon bimbit sebagai peralatan pembelajaran atas talian adalah sangat perlu. Malah ketiadaan dua peralatan ini boleh merencatkan proses P&P secara atas talian. Dengan sebab itu, disarankan agar pihak berwajib sama ada kerajaan atau universiti perlu memastikan kedua-dua peralatan ini berada dalam kapasiti yang secukupnya dan memperbanyakkan penyediaan komputer riba secara percuma kepada pelajar yang layak.

Walaupun nilai min bagi kemudahan peralatan pembelajaran pelajar di Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, KUIS berada pada tahap tinggi, namun sumber talian Internet percuma yang disediakan oleh pihak universiti berada pada tahap rendah. Hal ini sedemikian kerana 96.7% pelajar berada di rumah keluarga dan pelajar menggunakan sumber talian Internet sendiri yang berbayar sama ada data mudah alih atau talian tetap seperti Unifi, Maxis dan lain-lain. Sumber talian Internet berbayar yang digunakan oleh pelajar memerlukan peruntukan kewangan tertentu yang memberi cabaran besar kepada keluarga berpendapatan sederhana dan rendah. Oleh itu, disarankan agar pihak kerajaan atau universiti menyediakan pakej data mudah alih percuma kepada pelajar yang berasal dari keluarga berpendapatan sederhana dan rendah. Untuk melestarikan proses P&P, pihak universiti juga mungkin perlu mempertimbangkan keizinan kepada pelajar yang berkeperluan mengikuti pembelajaran secara atas talian di dalam kampus dengan kemudahan sumber talian Internet percuma.

Seterusnya, proses pembelajaran secara atas talian juga terganggu dan terbatas ekoran capaian Internet yang lemah dan tidak stabil lebih-lebih lagi di kawasan pendalaman. Masalah capaian Internet adalah situasi yang di luar kawalan pelajar kerana penggunaan sepenuhnya teknologi menjadikan permintaan terhadap perkhidmatan Internet meningkat. Isu ketidakseimbangan dalam akses kepada pembelajaran atas talian perlu diberi perhatian sewajarnya oleh semua pihak. Oleh itu, tenaga pengajar perlu mempunyai pengurusan pengajaran yang fleksibel, efektif dan efisien dengan membuat rakaman bagi setiap kuliah atau tutorial yang berlangsung dan mengambilkira juga kaedah-kaedah lain yang munasabah. Dengan erti kata lain, tenaga pengajar perlu lebih mempunyai keinsanan dan perlu lebih memahami sedalam-dalamnya latar sosio ekonomi dan keupayaan pembelajaran setiap pelajar.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, I. & Aida Zuraina, M. A. T. (2020). Pembelajaran atas Talian: Tinjauan terhadap Kesediaan dan Motivasi dalam kalangan Pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4): 68-82.
- Agus, S., Sara, S., Arief Nugroho, W. & Sigit, W. (2020). Analisis Kompetensi Guru: Pembelajaran Revolusi Industri 4.0. Prosiding SAMASTA Seminar Nasional Bahasa dan Sastra Indonesia. Dicapai dari: <https://jurnal.umj.ac.id/index.php/SAMASTA/article/view/6692>.
- Ahmad Munawar, I., dan A. Mohd Nor Shahizan. (2018). *Kaedah penyelidikan sosial daripada perspektif penyelidikan pengajian islam*. Bandar Baru Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Cetakan Keempat.
- Akmal Ariff, J., Siti Hajar, A. & Nur Anis, K. M. (2020). Persediaan Rakyat Malaysia dalam Merealisasikan Matlamat Revolusi Industri 4.0. *Malaysian Journal of Social and Humanities*. 5(10). October. 75-82.
- Aida Aryani, S. & Norhayati, H. (2018). Industrial Revolution 4.0 and Education. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(9): 314-319.
- Kamaruddin, I. & Che Aleha, L. (2018). Pengetahuan dan Kediaan Revolusi Industri 4.0 dalam kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *The Online Journal of Islamic Education*, 6(2): 18-26.
- Maimun Aqsha, L., Wan Nurul Syuhada', W. H. & Mohd Isa, H. (2017). Tahap Pengetahuan dan Kediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap

- Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilizatin*, 1(1): 1-13.
- Mendepani cabaran dunia empat dimensi. (2017). Dicapai pada Julai 6, 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/09/321156/mendepani-cabaran-dunia-empat-dimensi>.
- Mohd Faeiz, P., Siti Norazlina, J., Salman, A. & Nurulhuda, M. H. (2020). Covid-19: Pengajaran dan Pembelajaran Sewaktu Krisis Pandemik. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, Jilid III: 96-105.
- Muhammad Izzat, M., Zuriani Hanim, Z. & Nur Hafizaliyana, H. (2020). Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian Dalam Era Pandemik Covid-19. *Jurnal Kesidang*, Volume 5: 88-99.
- Munirah, S., Mohd Faisal, J., Noor Syaheeda, M. S. & Julia, M. Y. (2021). Tinjauan Keberkesanan Pembelajaran Secara dalam Talian Ketika Pandemik Covid-19: Perspektif Pelajar Sains Kejuruteraan Politeknik Ibrahim Sultan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1): 374-384.
- Norwahida, S., Sakinah, N. & Ruzanna, R. (2021). Tahap penerimaan pelajar terhadap penggunaan kemudahan di atas talian untuk menyokong aktiviti pembelajaran fleksibel berdasarkan elemen rekabentuk pendekatan heutagogi. *International Journal of Modern Education*, 3(8): 35-48.
- Nor Musfirah, M. (2021). Cabaran Pedagogi Norma Baharu di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) Ketika Pandemik Wabak Koronavirus Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam*, 14 (Special Edition): 243-254.
- Nur Akalili, M. A. & Nurfaradilla M. N. (2021). Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2): 344-361.
- Pembelajaran, pengajaran ketika pandemik bukan mudah. (2020). Dicapai pada Julai 6, 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/12/769924/pengajaran-pembelajaran-ketika-pandemik-bukan-mudah>.
- Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia 2020-21. (2021). Dicapai pada Julai 16, 2021 daripada https://ms.wikipedia.org/wiki/Perintah_Kawalan_Pergerakan_Malaysia_2020-21.
- Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R. (2004). Principle's sense of efficacy: Assessing a promising construct. *Journal of Educational Administration*, 42(5): 573-585.